

DATO' BANDAR SUNGAI UJONG, gelaran pembesar yang diwujudkan oleh Sultan Abdul Jalil III, Sultan Johor, semasa Sungai Ujong berada di bawah takluk Johor, bermula pada tahun 1715. Dato' Bandar mempunyai kuasa memungut hasil, cukai perniagaan dan perkapalan di sepanjang Sungai Linggi. Kekayaan Dato' Bandar meletakkannya setaraf dengan kedudukan Dato' Kelana Sungai Ujong. Manakala Syahbandar, pembesar ketiga di Sungai Ujong pula telah wujud pada zaman Kesultanan Melaka.

Dato' Bandar dikatakan berasal daripada keturunan Neneh Semerga, anak perempuan Bendahara Sekudai. Neneh Semerga berkahwin dengan Lebai Mamat, orang Aceh. Anak mereka, Dato' Keling, ialah Dato' Bandar yang pertama. Selepas Dato' Keling, jawatan Dato' Bandar dipergilirkan antara empat keturunan adik-beradik perempuannya iaitu Neneh Sulung Nerasa, Neneh Susu Dara, Neneh Susu Ganda dan Neneh Susu Tunggal. Tradisi giliran ini masih diteruskan sehingga kini.

Enam Dato' Bandar yang pertama telah memegang dua jawatan serentak iaitu Dato' Seri Maharaja Diraja dan Syahbandar. Pada masa pemerintahan Dato' Megat, keistimewaan tersebut dilucutkan oleh Dato' Kelana Leha. Jawatan Dato' Seri Maharaja Diraja diserahkan kepada Dato' Sohor, adik kepada Dato' Megat. Pemisahan jawatan ini menjadikan kedudukan Dato' Bandar mengatasi taraf Dato' Lembaga. Walau bagaimanapun, tindakan yang dilakukan oleh Dato' Kelana Leha adalah untuk mengurangkan kuasa Dato' Bandar yang dianggap mencabar kedudukan Dato' Kelana sebagai pemerintah tertinggi di jajahan Sungai Ujong.

Konflik yang pertama antara Dato' Kelana dengan Dato' Bandar berlaku pada masa pemerintahan Dato' Kelana Sendeng. Pada masa itu, orang Rawa telah menimbulkan huru-hara dalam jajahan Sungai Ujong. Dato' Kelana Sendeng memohon bantuan kewangan daripada Dato' Bandar Lebai untuk menghadapi ancaman tersebut tetapi permintaannya ditolak. Seorang lagi waris di air bernama Manja Khatib @ Abdullah bin Mahmud @ Abdullah bin Ahmad, telah membantu Dato' Kelana mematahkan huru-hara tersebut. Sebagai balas jasanya, Dato' Kelana Sendeng memecat Dato' Bandar Lebai dan melantik Manja Khatib sebagai Dato' Bandar bergelar Dato' Bandar Tunggal (1849–1874).

Semasa pemerintahan Dato' Bandar Tunggal, berlaku perbalahan antaranya dengan Dato' Kelana Syed Abdul Rahman sehingga membawa kepada campur tangan British dalam hal ehwal pemerintahan Sungai Ujong. Perbalahan bermula kerana keengganan Dato' Bandar Tunggal menandatangani perjanjian pada 21 April 1874 untuk

menbenarkan British bertapak di Sungai Ujong. Dato' Kelana dengan bantuan British telah berjaya menundukkan Dato' Bandar Tunggal yang kemudiannya dibuang negeri ke Singapura. Dato' Kelana Syed Abdul Rahman kemudiannya melantik Panglima Besar Ahmad sebagai Dato' Bandar dengan persetujuan British. Pelantikan ini sedikit sebanyak mengembalikan kedudukan Dato' Bandar sehingga hampir menyamai kedudukan Dato' Kelana. Dalam perjanjian yang ditandatangani pada 10 November 1874, Dato' Kelana dikehendaki berbincang dengan Dato' Bandar dalam urusan pemerintahan.

Pada tahun 1878, Kapten Murray, Residen British di Sungai Ujong, menubuhkan sebuah majlis yang dianggotai oleh Dato' Bandar dan Dato' Muda Linggi. Majlis ini ditubuhkan untuk meletakkan Dato' Bandar di bawah kekuasaan Dato' Kelana. Pertindihan bidang kuasa kedua-dua institusi sekali lagi timbul apabila Dato' Bandar Haji Ahmad memangku jawatan Dato' Kelana pada tahun 1891, sementara menunggu Dato' Kelana Maamor dewasa. Apabila perjanjian Negeri-Negeri Melayu Bersekutu ditandatangani pada tahun 1895, Dato' Bandar Haji Ahmad mewakili Dato' Kelana dan Dato' Bandar. Dalam perjanjian antara Yang Dipertuan Besar Tuanku Muhammad dengan Dato' Undang berempat, sekali lagi rujukan dibuat kepada Dato'-Dato' Undang termasuk Dato' Kelana dan Dato' Bandar Sungai Ujong. Dengan menggunakan kebijaksanaannya, akhirnya Dato' Kelana Maamor berjaya mengukuhkan kekuasaannya kembali sebagai pemerintah mutlak di Sungai Ujong. Pada tahun 1928, setelah Dato' Kelana Maamor meninggal dunia; Dato' Bandar Haji Ahmad masih mengekalkan dakwaannya sebagai mewakili institusi Undang Sungai Ujong secara bersama dengan Dato' Kelana.

Perbezaan kedudukan Dato' Bandar dan Dato' Kelana dapat diperhatikan dalam pelantikan waris di air. Dato' Bandar mengetuai urusan pemilihan dan pengumuman pelantikan tersebut. Ketua yang baru dilantik seperti Dato' Lembaga suku atau orang besar lain akan menghadap Dato' Bandar. Selepas itu, Dato' Raja iaitu Dato' Lembaga waris di air, berkenan membawa ketua tersebut untuk menghadap Dato' Kelana. Akhirnya, Dato' Kelana mengumumkan pelantikan tersebut kepada negeri. Perbezaan kedudukan institusi Dato' Bandar dan Dato' Kelana semakin jelas dengan kedudukan Dato' Raja, Dato' Lembaga waris di air yang merupakan Lembaga Tiang Balai dalam majlis Dato' Kelana. Ini bermakna Dato' Raja berhak membawa sebarang perkara kepada Dato' Kelana tanpa merujuk terlebih dahulu kepada Dato' Bandar. Walau bagaimanapun, hal ini tidak pernah berlaku, malah keputusan Dato' Bandar tidak sekutu Dato' Kelana dan tidak dianggap sebagai 'sabda'.

Dato' Bandar Sungai Ujong kini dianggap sebagai orang kenamaan yang menyatakan kesetiaan kepada Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan. Sebagaimana orang besar luak, Dato' Bandar menghadap Yang Dipertuan Besar di Seri Menanti dalam upacara pertabalan. Dalam upacara menghadap, kedudukannya selepas Dato' Undang berempat dan sebelum Penghulu-penghulu luak 'tanah mengandung'. Hingga tahun 1941, Dato' Bandar tidak termasuk dalam Majlis Yang Dipertuan Besar dan

Majlis Dato'-Dato' Undang. Di bawah perlembagaan tahun 1948, Dato' Bandar diiktiraf sebagai ahli *ex-officio* dalam majlis negeri. Dato' Bandar mempunyai dua orang pembesar yang bertanggungjawab kepadanya. Mereka ialah Dato' Panglima Besar, ketua kepada juak-juak Dato' Bandar dan Maharaja Khatib, pengiring dan utusan Dato' Bandar dalam pertemuan-pertemuan adat di balai Dato' Bandar. [lih. j. SUNGAI UJONG, DATO' MUDA LINGGI]